

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 09 / 09 / 2007

Kapsul perisytiharan kemerdekaan disimpan di Arkib Negara

um - 9/9/2007
KUALA LUMPUR 8 Sept. - Dua dokumen asal perisytiharan kemerdekaan iaitu yang dibaca oleh Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada 1957 dan yang dilafaz Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 30 Ogos lalu akan disimpan dalam kapsul khas di Arkib Negara.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KeKKWa), Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, kapsul itu merupakan bahan sejarah dan ia akan dibuka oleh pemimpin negara pada sambutan kemerdekaan negara 50 tahun akan datang.

Menurutnya, perisytiharan kemerdekaan yang dimasukkan ke dalam kapsul itu akan diserahkan kepada Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Sidek Hassan sebelum disimpan di Arkib Negara.

"Kapsul itu akan menjadi bukti negara pernah mencapai kemerdekaan selama 50 tahun dengan gemilang dan diharap menjadi contoh kepada pentadbiran 50 tahun akan datang," katanya kepada pemberita selepas Majlis Penghargaan Media Merdeka 2007 di Kompleks Kraf Tangan hari ini.

Turut hadir, Timbalan Menteri KeKKWa, Datuk Wong Kam Hoong, Ketua Setiausaha KeKKWa, Datuk Zakiah Ahmad dan Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka, Datuk Johan Jaaffar.

Sempena majlis itu, turut diadakan pameran gambar-gambar dan berita mengenai 50 tahun kemerdekaan negara.

Menurut Rais, pameran seumpama itu akan diperluaskan di pusat beli-belah bagi memberi peluang kepada orang ramai menghayati sambutan kemerdekaan negara dengan lebih dekat.

"Kita adakan pameran ini di pusat beli-belah kerana ia akan menarik lebih ramai pengunjung untuk melihatnya berbanding jika diadakan di muzium atau arkib," katanya.

Pada majlis itu, Rais turut melahirkan penghargaan kepada media tempatan atas kerjasama meningkatkan semangat patriotisme rakyat negara ini dalam menyambut 50 tahun kemerdekaan baru-baru ini.

"KeKKWa mengadakan majlis ini sebagai menghargai dan mengiktiraf peranan media yang telah banyak membantu kerajaan dalam menyedarkan rakyat betapa pentingnya perjuangan dan semangat perpaduan dipupuk di kalangan rakyat pelbagai kaum," katanya.